

27 JAN 1997

ABIM SOKONG KERAJAAN KAWAL GEJALA HIBURAN MAKSIAT

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyokong penuh arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua Menteri Besar bertindak mengawal gejala hiburan maksiat yang semakin berleluasa di negeri masing-masing.

Setiausaha agungnya Ahmad Azam Abdul Rahma berkata pihak berkuasa sepatutnya tidak mengeluarkan permit atau mengharamkan semua premis hiburan yang mempromosikan gaya hidup "hedonistik".

Premis hiburan seumpama itu merupakan ejen peruntuh yang mengikis nilai murni tempatan dan tidak membantu ke arah melahirkan masyarakat penyayang, katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, pelaburan dalam industri berkenaan hanya bermatlamatkan keuntungan tanpa memberikan sebarang justifikasi moral dan budaya.

ABIM berharap komitmen kerajaan itu disokong oleh persiapan anggota masyarakat bagi menangani gejala sosial yang berpunca daripada fahaman hedonisme yang tertanam dalam pemikiran masyarakat, katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu menangani masalah berkenaan dengan menggunakan pendekatan yang komprehensif terutama dalam membentuk pandangan masyarakat umum terhadap jatidiri bangsa sendiri, katanya.

Katanya, media sepatutnya berperanan membentuk peribadi murni bangsa dan bukannya membawa unsur asing ke dalam fikiran masyarakat.

-- BERNAMA

RZS NMO